



Headline: RM22,950 lesap masuk 'akaun selamat'
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 1 February 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 2

RM22,950 lesap masuk 'akaun selamat'

Subang Jaya: Akaun selamat yang tak selamat. Itu nasib menimpa seorang eksekutif syarikat telekomunikasi apabila wang simpanannya berjumlah RM22,950 lebur 'disonglap' sindiket Macau Scam menyamar polis.

Taktiknya mudah. Mangsa dimaklumkan bahawa akaun bank miliknya digunakan bagi aktiviti jenayah serta dibekukan dan semua wang perlu dipindahkan ke akaun selamat sehingga siasatan selesai.

Sumber polis berkata, mangsa pada awalnya dihubungi seorang lelaki mendakwa anggota polis berpangkat sarjan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah yang memaklumkan hasil semakan mangsa terbabit beberapa kes jenayah selain kesalahan trafik.

Katanya, mangsa pada awalnya curiga namun ahli sindiket berkenaan bijak meminta mangsa bertenang dan mendengar maklumat ingin disampaikan.

"Selepas memberi maklumat, talian mangsa disambungkan kepada seorang lelaki mengaku pegawai polis di Bukit Aman.

"Dalam perbualan itu, mangsa ditakutkan secara psikologi bahawa jika tidak mengikut arahan bagi membantu siasatan tindakan seperti ditahan akan dibuat," katanya.

Menurutnya, mangsa bukan sekadar memberikan maklumat akaun perbankan sebaliknya turut memindahkan wang simpanan ke 'akaun selamat' seperti diarahkan.